

Najib gagal gugur Sri Ram ketua pendakwaan 1MDB

Putrajaya: Datuk Seri Najib Razak gagal buat kali ketiga untuk menggugurkan bekas hakim Mahkamah Persekutuan Datuk Seri Gopal Sri Ram daripada mengetuai pihak pendakwaan dalam kesemua kes membabitkan 1Malaysia Development Bhd (1MDB) yang dihadapinya.

Panel tujuh hakim dipengerusikan Ketua Hakim Negara, Datuk Tengku Maimun Tuan Mat, sebulat suara menolak rayuan itu selepas mendapati permohonan berkenaan tidak mempunyai merit.


Sehubungan itu, mahkamah mengekalkan keputusan Mahkamah Rayuan yang sebelum ini menolak permohonan Najib untuk membatalkan kelayakan Sri Ram yang juga bekas hakim Mahkamah Persekutuan daripada mengetuai kes itu.

Bagaimanapun, mahkamah memerintahkan pihak pendakwaan untuk mengemukakan surat perlantikan Sri Ram memandangkan tiada keterangan yang menunjukkan bahawa dokumen itu diklasifikasikan mengikut Akta Rahsia Rasmi 1972.

Turut bersidang, Hakim Tan Sri Azahar Mohamed; Datuk Seri David Wong Dak Wah; Datuk Rohana Yusof; Datuk Mohd Zawawi Salleh; Datuk Abang Iskandar Abang Hashim dan Tan Sri Idrus Harun.

Berikutan keputusan itu, Sri Ram akan mengetuai pihak pendakwaan bagi perbicaraan kes 1MDB yang akan bermula pada 19 Ogos hingga 29 Ogos ini dan kemudian bersambung sepanjang September serta Oktober hingga 14 November ini.

Sri Ram turut mengetuai kes



Najib hadir ke Mahkamah Persekutuan Putrajaya, semalam.



membabitkan pecah amanah wang 1MDB bersama bekas Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Tan Sri Dr Mohd Irwan Serigar Abdullah dan kes berhubung pindaan laporan audit 1MDB yang dihadapi bersama Ketua Pegawai Eksekutifnya, Arul Kanda Kandasamy.

Najib diwakili peguam Tan Sri Muhammad Shafee Abdullah, manakala Timbalan Pendakwa Raya, Ahmad Akram Gharib dan Mohamad Mustaffa P Kunyalam bertindak bagi pihak responden.

Pada 7 Mei lalu, Najib gagal

dalam cubaan kali keduanya untuk membatalkan kelayakan Sri Ram sebagai Timbalan Pendakwa Raya Kanan dalam perbicaraan kes 1MDB.

Pada 1 Mac lalu, Hakim Mahkamah Tinggi, Collin Lawrence Sequerah turut menolak permohonan Najib dengan alasan tiada bukti menunjukkan Sri Ram akan berlaku berat sebelah dalam menjalankan tugasnya selaku Timbalan Pendakwa Raya Kanan bagi kes berkenaan.

Pada 20 September 2018, Najib didakwa dengan empat pertuduhan menurut Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia serta 21 pertuduhan penguubahan wang haram membabitkan dana 1MDB berjumlah RM2.28 bilion.

Beliau didakwa melakukan kesalahan berkenaan di AmlIslamic Bank Bhd, No 55, Jalan Raja Chilian, Bukit Ceylon antara 2011 dan 2014.